

Transformasi Pembangunan Terhadap Aktiviti Perkhidmatan di Daerah Putatan dan Kesannya kepada Sosioekonomi Penduduk Tempatan

Development Transformation to Service Activities in the Putatan District and its Impact on the Socio-Economic Status of the Locals

Rosniza Aznie Che Ros* & Nur Efazainiza Ainie, B.
Program Geografi, Pusat Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
*emel: aznie@ukm.edu.my

Received: 27 July 2017; Accepted: 12 January 2018; Published: 30 November 2018

Abstrak

Pada era modenisasi ini, transformasi pembangunan berlaku dengan pantas sama ada kawasan bandar mahupun luar bandar. Sehubungan itu kajian telah dilakukan di daerah Putatan, Sabah bagi membincangkan transformasi pembangunan terhadap aktiviti perkhidmatan di daerah Putatan dan kesannya kepada sosioekonomi penduduk tempatan. Putatan pada asalnya merupakan sebuah pekan kecil sebelum ia bertukar status menjadi sebuah daerah. Transformasi yang berlaku di pekan kecil lazimnya menunjukkan prestasi yang positif dalam pelbagai aspek. Kesannya, ia mewujudkan kawasan baru bagi kepelbagaian aktiviti perkhidmatan seperti premis perniagaan, perindustrian, perumahan dan perkhidmatan. Objektif kajian ini adalah (i) mengenalpasti jenis aktiviti perkhidmatan yang terdapat di daerah Putatan dan (ii) membincangkan kesan transformasi pembangunan terhadap aktiviti perkhidmatan dalam konteks impaknya terhadap sosioekonomi penduduk tempatan. Kajian dijalankan berdasarkan kepada pengumpulan data primer dan sekunder. Seramai 97 orang responden yang terlibat dalam mengumpul data dengan menggunakan borang soal selidik dan menggunakan analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai jenis aktiviti perkhidmatan di daerah Putatan seperti perhotelan, pusat membeli-belah, perkhidmatan pengangkutan awam, perniagaan, kesihatan dan pendidikan. Secara keseluruhannya, transformasi pembangunan terhadap aktiviti perkhidmatan memberi impak yang positif kepada sosioekonomi penduduk tempatan dan kesannya dapat dilihat dalam beberapa indikator iaitu peningkatan taraf pendidikan, kesihatan penduduk yang lebih baik, peningkatan pendapatan penduduk, kemudahan infrastruktur yang baik serta memberi pelbagai kemudahan lain kepada penduduk untuk menjalani aktiviti harian mereka.

Kata kunci transformasi, pembangunan, perkhidmatan, sosioekonomi, penduduk tempatan

Abstract

In this era of modernization, the transformation of development takes place quickly in both urban and rural areas. In this regard, a study was conducted in Putatan district to discuss the transformation of development on service activities in the Putatan district and its impact on the socioeconomic of the locals. Putatan was originally a small town before being accorded status as a district. The transformation that occurs in small towns usually shows a positive performance in many respects. The transformation creates new areas for diversification of service activities such as business premises, industrial, housing and services. The objectives of this study are (i) identify the types of service activities available in Putatan district and (ii) discuss the impact of development transformation on services activities in the context of its impact on the socioeconomic status of the locals. The study was conducted based on primary and secondary data collection. Questionnaires were administered on 97 respondents and the data was analysed using descriptive analysis. The findings show that there are various types of service activities in areas such as hotels, shopping malls, public transport services, business, health and education. Overall, the transformation of development into service activities has a positive impact on the socioeconomic of the local population and its impact is reflected in several indicators, namely improving education, better population health, increasing population income, good infrastructure facilities and providing various other facilities for residents in carrying out their daily activities.

Keywords transformation, development, services, socioeconomic, locals

PENGENALAN

Di Malaysia, transformasi seringkali dikaitkan dengan pembangunan kesan daripada pertumbuhan ekonomi. Mohd Nain dan Md. Yusoff (2003) mendefinisikan transformasi sebagai proses transformasi yang berkait rapat dengan proses industrialisasi iaitu perubahan masyarakat Barat dari masyarakat feudal kepada masyarakat moden. Selain itu, transformasi juga merupakan segala perkara yang tidak sesuai dalam keadaan semasa yang akan diganti dengan sesuatu yang baru, lebih mudah, cantik cekap serta lebih maju dari keadaan sebelum (Nurasyikin, 2013). Tidak dinafikan bahawa kerancangan pembangunan kian giat dijalankan dan telah banyak kemajuan yang dicapai dalam pelbagai sektor. Keadaan ini menjadikan Malaysia sebuah negara sedang membangun yang mengalami pelbagai proses transformasi khususnya dalam aspek pembangunan yang memberi impak kepada masyarakat amnya di samping dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan ekonomi negara. Melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan telah berusaha membawa pembangunan ke kawasan luar bandar bertujuan menggalakkan kemajuan di sesuatu kawasan dan menyaksikan proses perbandaran luar bandar itu bermula.

Pada masa kini, jelas menunjukkan transformasi pembangunan yang berlaku telah mengubah kehidupan masyarakat dari segi sosial (Nor Hasyifa et al., 2017; Rosniza Aznie & Tee, 2017) seperti peningkatan dari aspek kemudahan infrastruktur, kesihatan, penyediaan perumahan, pendapatan, pendidikan dan sebagainya. Gabungan perubahan sosial, budaya, politik dan ekonomi dianggap sebagai satu fenomena yang bertunjangkan matlamat serta tertumpu kepada pencapaian kesejahteraan hidup manusia. Selain daripada impak sosial, transformasi pembangunan juga memberi kesan kepada ekonomi penduduk. Transformasi pembangunan luar bandar merupakan satu proses untuk memajukan kawasan luar bandar serta untuk membantu dalam meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar (Nur Atiqah, 2013; Sarmila et al., 2017). Justeru kajian ini ingin meneliti transformasi pembangunan di salah sebuah daerah di Sabah iaitu daerah Putatan khususnya transformasi pembangunan terhadap aktiviti perkhidmatan di daerah Putatan dan kesannya kepada sosioekonomi penduduk tempatan.

LOKASI DAN METOD KAJIAN

Lokasi kajian adalah di daerah Putatan, Sabah yang sedang mengalami transformasi pembangunan (Rajah 1 & 2). Bermula 1 Mac 2007, Putatan dinaiktaraf menjadi sebuah daerah. Pada 30 April 2011 Putatan secara rasminya diisytiharkan sebagai sebuah daerah penuh dan berstatus bandar serta perasmianya disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Hj. Aman, Ketua Menteri Sabah (Majlis Daerah Putatan, 2013). Kerancangan pembangunan lokal sehingga kini telah menyebabkan berlakunya transformasi dan mewujudkan pelbagai aktiviti perkhidmatan. Transformasi pembangunan daerah Putatan telah memberi implikasi kepada sosioekonomi penduduk tempatan. Pembangunan yang dibina di daerah ini adalah sejajar dengan cita-cita dan wawasan Putatan untuk mencapai status daerah membangun dalam konsep Desa Politan menjelang tahun 2025 (Majlis Daerah Putatan, 2013).



Rajah 1 Putatan sebelum dan selepas transformasi pembangunan



Rajah 2 Peta lokasi kajian di daerah Putatan

Instrumen utama dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang digunakan sebagai kaedah untuk mendapatkan data. Responden yang dipilih adalah tertumpu kepada penduduk tempatan di sekitar daerah Putatan khususnya penduduk tempatan yang tinggal di Taman Teluk Villa, Taman Ketiau dan Kampung Sipanggil. Rasional pemilihan kajian ini adalah ketiga-tiga kawasan ini masing-masing mempunyai jarak dalam satu, dua dan lima kilometer daripada pusat daerah Putatan dengan tumpuan transformasi yang ketara dialami dari segi perkembangan aktiviti perkhidmatan. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada wakil Pegawai Pejabat Daerah Putatan dan penduduk tempatan. Pemilihan jumlah sampel kajian adalah berdasarkan kepada formula Taro Yamane (Polonia, 2013) dengan menggunakan teknik pemilihan secara rawak. Seramai 97 orang responden yang terlibat dan bekerjasama menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Sepanjang proses mengedarkan borang soal selidik, pengkaji juga membuat pemerhatian di sekitar kawasan kajian. Soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik merangkumi profil responden, jenis-jenis aktiviti perkhidmatan yang dijalankan di daerah Putatan serta kesan transformasi pembangunan kepada sosioekonomi penduduk tempatan yang berfokuskan kepada aktiviti perkhidmatan. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh di lapangan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan sebanyak 56 peratus responden iaitu penduduk tempatan di daerah Putatan adalah penduduk dalam kalangan lelaki dan 44 peratus adalah dalam kalangan perempuan. Lebih daripada separuh responden berumur antara 15 hingga 35 tahun iaitu sebanyak 55.7 peratus. Peratus umur responden yang tertinggi adalah responden yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 25 tahun iaitu sebanyak 29 peratus daripada jumlah keseluruhan responden. Manakala, 44.6 peratus adalah responden yang berumur 36 tahun hingga 45 tahun dan ke atas. Dari segi taraf pendidikan menunjukkan kebanyakan responden mempunyai taraf pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) iaitu sebanyak 54.6 peratus daripada jumlah keseluruhan responden. Manakala, dari segi jenis pekerjaan majoriti responden bekerja sendiri iaitu sebagai peniaga sayur-sayuran, ikan, pengusaha kedai runcit, pemandu bas, pemandu teksi dan sebagainya.

Seterusnya, dari segi pendapatan, sebanyak 46.4 peratus responden yang berpendapatan kurang daripada RM2000. Diikuti dengan tiada pendapatan kerana kebanyakan responden adalah dalam kalangan pelajar dan penduduk tempatan yang sudah tidak bekerja lagi (33%). Manakala, sebanyak 19.6 peratus responden yang mempunyai pendapatan antara RM2000 hingga RM3999. Kebanyakan daripada responden

ini bekerja sendiri, penjawat awam dan penjawat swasta. Hanya 1.0 peratus responden yang mempunyai pendapatan RM4000 hingga RM4999. Seterusnya, bagi tempoh menetap pula menunjukkan majoriti penduduk tempatan yang tinggal di sekitar daerah Putatan ini telah menetap selama 11 hingga 20 tahun (37.1%). Diikuti dengan penduduk tempatan yang telah menetap selama 5 hingga 10 tahun iaitu 30.2 peratus. Bagi penduduk yang menetap lebih daripada 20 tahun pula adalah sebanyak 27.8 peratus. Hanya sebilangan kecil penduduk tempatan yang menetap kurang daripada 5 tahun iaitu sebanyak 3.1 peratus daripada jumlah keseluruhan responden.

Jadual 1 Profil responden

Kategori	Peratus (N= 97)
Jantina	
Lelaki	56.0
Perempuan	44.0
Umur	
15-25 tahun	29.9
26-35 tahun	25.8
36-45 tahun	20.6
46-55 tahun	18.6
56 tahun ke atas	5.2
Taraf Pendidikan	
Pernah bersekolah tetapi tidak tamat	12.4
UPSR	3.1
SRP/PMR/PT3	8.2
SPM/STPM	54.6
IPTA/IPTS	21.6
Pekerjaan	
Penjawat Kerajaan	10.3
Penjawat Swasta	18.6
Pelajar	21.6
Bekerja sendiri	34.0
Tidak bekerja	7.2
Lain-lain	8.2
Pendapatan bulanan	
RM999 dan ke bawah	9.3
RM1000-RM1999	37.1
RM2000-RM2999	15.5
RM3000-RM3999	4.1
RM4000-RM4999	1
RM5000 dan ke atas	0
Tiada	33.0
Tempoh menetap	
Kurang daripada 5 tahun	3.1
5-10 tahun	32.0
11-20 tahun	37.1
Lebih daripada 20 tahun	27.8

Jenis-Jenis Aktiviti Perkhidmatan

Pengangkutan Awam

Perkhidmatan pengangkutan awam merupakan salah satu aktiviti perkhidmatan yang wujud pada masa kini sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Perkhidmatan pengangkutan awam juga turut disediakan di sekitar daerah Putatan bagi memudahkan pergerakan penduduk tempatan dari satu tempat ke tempat yang lain. Umumnya, pengangkutan awam merupakan kenderaan yang digunakan oleh orang awam untuk bergerak dari satu destinasi ke destinasi yang lain dan pengguna perlu membayar kos perkhidmatan pengangkutan tersebut. Antara pengangkutan awam yang disediakan adalah seperti bas mini, teksi dan kereta api (Rajah 3). Sebanyak 51.5 peratus responden bersetuju bahawa pengangkutan awam merupakan

salah satu jenis perkhidmatan yang disediakan di daerah Putatan. Manakala, 41.2 peratus responden pula sangat setuju bahawa perkhidmatan pengangkutan awam dijalankan di daerah Putatan. Pengangkutan awam ini disediakan bukan sahaja mencukupi dari segi bilangan malah ia menawarkan kadar bayaran atau tambang yang murah. Kadar bayaran yang berpatutan ini dilihat dapat menarik lebih ramai pengguna memilih pengangkutan awam khususnya penduduk atau golongan berpendapatan rendah. Jika dibandingkan pada sekitar tahun 1989, pengangkutan awam pada ketika itu hanya menggunakan kereta api sebagai salah satu perhubungan utama para penduduk dan pedagang. Pada masa kini, terdapat jenis pengangkutan awam lain yang terdapat di daerah Putatan.



Rajah 3 Kemudahan pengangkutan awam di daerah Putatan

Perniagaan

Perniagaan merupakan aktiviti perkhidmatan utama yang terdapat di daerah Putatan. Sebanyak 58.8 peratus responden sangat setuju bahawa perniagaan adalah aktiviti perkhidmatan yang terdapat di daerah Putatan kerana aktiviti perniagaan sangat jelas dan dominan jika dibandingkan dengan aktiviti perkhidmatan yang lain. Kemudian diikuti dengan responden yang menyatakan setuju iaitu sebanyak 38.1 peratus. Terdapat pelbagai aktiviti perniagaan yang dijalankan seperti pusat membeli belah, pasar tani, pasar minggu, pasar raya dan banyak lagi. Aktiviti perniagaan semakin berkembang dengan adanya kawasan dan blok-blok perniagaan yang dibina untuk memberi peluang kepada penduduk menjalankan aktiviti berjual-beli. Pusat membeli-belah yang terdapat di daerah Putatan membolehkan para peniaga menjual dan membuka perniagaan seperti gerai makanan, restoran, butik, kedai menjual alat elektronik dan sebagainya. Pusat membeli-belah di daerah Putatan yang terkini adalah seperti One Place Mall dan ia telah menjadi tumpuan penduduk bukan sahaja penduduk yang tinggal di daerah Putatan malah dari kawasan lain seperti penduduk daerah Papar, Beaufort dan Kota Kinabalu (Rajah 4). Ia bukan sahaja sebagai pusat membeli-belah malah terdapat hotel yang dibina di tingkat atas bangunan tersebut iaitu Soluxe Hotel. Perkhidmatan perhotelan ini menarik lebih banyak pelancong ke daerah Putatan termasuklah Adel Hotel dan Aristo Hotel yang terletak di pusat daerah Putatan.

Pasar raya juga merupakan aktiviti perniagaan yang menjadi tumpuan penduduk sebagai tempat untuk membeli barang-barang keperluan harian. Selain itu, terdapat juga perniagaan pasar tani yang beroperasi pada setiap hari Khamis dan Tamu Putatan yang beroperasi pada setiap hujung minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad. Dengan adanya Pasar Tani dan Tamu Putatan ini, ia telah memberi peluang khasnya kepada penduduk daerah Putatan untuk berniaga. Bukan itu sahaja, terdapat Pasar Awam Putatan yang menjual hasil laut seperti ikan, ketam, sotong, bunga, sayur-sayuran dan buah-buahan. Berbeza dengan aktiviti perniagaan ketika dahulu yang mana hanya terdapat bangunan kedai yang menjual barangan runcit secara kecil-kecilan oleh penduduk tempatan.



Rajah 4 Pusat membeli-belah One Place Mall

Kemudahan Infrastruktur

Peningkatan populasi penduduk yang semakin meningkat dari tahun ke tahun turut mendorong penyediaan kemudahan infrastruktur kepada penduduk tempatan. Bagi kemudahan infrastruktur yang lengkap, peratusan tertinggi yang dicatatkan adalah sebanyak 57.7 peratus iaitu lebih daripada separuh responden mengatakan mereka setuju adanya kemudahan infrastruktur di daerah Putatan diikuti dengan responden yang menyatakan sangat setuju (32%). Kemudahan infrastruktur seperti kemudahan perhentian bas, jaringan jalan raya yang baik, bekalan elektrik, bekalan air dan pembentungan, tempat pembuangan sampah, sistem pengangkutan, dan sebagainya membuktikan bahawa daerah Putatan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang baik dan cekap. Selain itu, kemudahan sosial penduduk seperti masjid dan kuil juga banyak di bina di daerah Putatan sebagai tempat ibadat penduduk yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Contohnya, terdapat pembinaan Masjid Daerah Putatan di mana ia merupakan masjid terbesar yang didirikan sebagai tempat ibadat penduduk yang beragama Islam.

Kesihatan

Hasil kajian mendapati sebanyak 72.2 peratus responden yang bersetuju kemudahan kesihatan turut disediakan di daerah Putatan dan 22.7 peratus responden mengatakan sangat setuju. Kemudahan kesihatan seperti klinik awam dan swasta disediakan kepada penduduk agar mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik melalui kemudahan rawatan yang disediakan. Kebanyakan responden berpuas hati dengan kemudahan kesihatan yang disediakan khususnya kepada para ibu mengandung kerana mereka boleh mendapatkan rawatan di kawasan berdekatan dengan kediaman mereka. Di samping itu juga, jarak yang dekat antara kawasan kediaman penduduk dengan pusat-pusat kesihatan membantu penduduk untuk menerima rawatan secepatnya sekiranya berlaku kecemasan terutamanya kes-kes yang melibatkan kemalangan jalan raya. Kemudahan kesihatan seperti klinik ini dapat memudahkan pesakit untuk mendapatkan rawatan secepatnya tanpa perlu ke bandaraya Kota Kinabalu. Tambahan lagi, Klinik 1Malaysia turut dibina di sekitar daerah Putatan agar penduduk mendapat rawatan khususnya bagi golongan berpendapatan rendah atau tidak mampu untuk membiayai kos rawatan yang tinggi. Terdapat beberapa Klinik 1Malaysia yang dibina di kawasan kampung dan taman-taman perumahan bagi memudahkan penduduk di kawasan tersebut untuk mendapatkan rawatan tanpa perlu ke klinik yang lebih jauh daripada tempat kediaman.

Pendidikan

Bagi aspek kemudahan pendidikan, sebanyak 70.1 peratus responden bersetuju bahawa kemudahan pendidikan merupakan salah satu perkhidmatan yang terdapat di daerah Putatan. Manakala, sebanyak 19.6 peratus lagi responden sangat setuju adanya kemudahan pendidikan. Aspek pendidikan turut diberi perhatian bagi meningkatkan taraf pendidikan pelajar iaitu dengan membina lebih banyak sekolah dan institusi seperti kolej swasta. Terdapat pelbagai jenis sekolah didirikan di daerah Putatan iaitu sekolah tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah agama dan kolej swasta. Jenis sekolah yang dibina bukan sahaja Sekolah Kebangsaan malah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina turut dibina bagi memenuhi keperluan pendidikan pelajar khususnya mereka yang berbangsa Cina. Bilangan sekolah juga dipertingkatkan serta

dibina berhampiran dengan kawasan kediaman bagi memudahkan pelajar untuk datang ke sekolah. Sebagai contoh, terdapat beberapa sekolah yang dibina berhampiran dengan kawasan kajian seperti Sekolah Rendah Tansau, Sekolah Menengah Tansau, Sekolah Rendah Pendidikan Khas Sabah, Tadika Kemas, Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan dan Sekolah Rendah Pekan Putatan. Selain itu, terdapat sebuah kolej swasta dibina di pusat daerah Putatan iaitu INTI College Sabah bagi memberi peluang kepada pelajar untuk menyambung pelajaran.

Kesan Aktiviti Perkhidmatan Kepada Sosioekonomi Penduduk

Kemudahan Perkhidmatan Kesihatan

Kesan transformasi pembangunan terhadap aktiviti perkhidmatan juga dilihat dari segi kemudahan hospital dan klinik yang disediakan atau terdapat di daerah Putatan. Bagi aspek kemudahan kesihatan ini, sebilangan besar responden menyatakan mereka setuju bahawa kemudahan kesihatan seperti hospital dan klinik memudahkan mereka mendapat rawatan dan menjamin tahap kesihatan ke arah yang lebih baik (50.5%) dan sebanyak 39.2 peratus responden lagi menyatakan sangat setuju. Klinik Kesihatan Putatan merupakan klinik yang terbesar di daerah Putatan bagi penduduk tempatan mendapatkan rawatan dan pemeriksaan kesihatan. Klinik 1Malaysia juga dibina di daerah Putatan kepada penduduk tempatan dengan harga yang murah. Terdapat juga klinik pergigian yang dibina di daerah Putatan bagi memudahkan penduduk mendapatkan rawatan gigi. Menurut Tikson (2005), keberhasilan pembangunan dalam aspek kesihatan ini penting dalam menentukan pencapaian tujuan sesebuah pembangunan nasional. Antara indikator keberhasilan dari segi kesihatan adalah perilaku dalam memelihara dan meningkatkan aras kesihatan, pencegahan risiko penyakit, melindungi diri daripada dijangkiti penyakit serta aktif. Keadaan ini bukan sahaja memudahkan penduduk tempatan mendapatkan rawatan malah dapat meningkatkan tahap kesihatan penduduk. Sebelum Putatan dinaiktaraf menjadi sebuah daerah yang mengalami proses transformasi, terdapat sebilangan sahaja klinik yang disediakan. Namun begitu, seiring dengan perubahan dan peningkatan dalam aspek pembangunan perkhidmatan kesihatan, bilangan pusat-pusat kesihatan telah meningkat bagi memenuhi keperluan penduduk.

Meningkatkan Taraf Pendidikan Penduduk

Berdasarkan hasil analisis mengenai kesan aktiviti perkhidmatan dalam aspek pendidikan, sebanyak 57.7 peratus responden yang mengatakan setuju dan 23.7 peratus mengatakan sangat setuju bahawa pembinaan sekolah dan institusi pendidikan di daerah Putatan meningkatkan taraf pendidikan penduduk. Oleh itu, dapat dilihat bahawa rata-rata responden setuju dan ia dipengaruhi oleh jumlah sekolah yang semakin banyak dan mencukupi terutamanya untuk menampung populasi penduduk yang saban hari kian meningkat. Kawasan petempatan di sekitar daerah Putatan mempunyai bilangan sekolah yang mencukupi sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Jarak antara perumahan dengan sekolah adalah dekat dan ini membantu lagi penduduk untuk memiliki taraf pendidikan yang baik sekaligus meningkatkan lagi peluang mereka untuk mencapai taraf pendidikan yang lebih tinggi. Begitu juga dengan institusi pendidikan seperti kolej swasta turut disediakan di daerah Putatan.

Membuka Lebih Banyak Peluang Pekerjaan

Seterusnya, dari aspek ekonomi pula sebanyak 44.3 peratus responden pula menyatakan setuju bahawa peningkatan aktiviti pembangunan yang dijalankan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk. Manakala, sebanyak 14.4 peratus responden menyatakan sangat setuju. Tidak dinafikan bahawa transformasi pembangunan di daerah Putatan mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan melalui pelbagai aktiviti perkhidmatan seperti blok-blok perniagaan, pusat membeli-belah, perbankan, perhotelan dan banyak lagi. Perkembangan aktiviti perkhidmatan menyebabkan pihak majikan memerlukan tenaga kerja yang ramai dan mencukupi. Keadaan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk mencari peluang pekerjaan di sekitar daerah Putatan.

Menyumbang Kepada Pendapatan Penduduk

Kesan transformasi terhadap aktiviti perniagaan antara impak yang sangat ketara ekoran daripada pertambahan blok-blok perniagaan. Keadaan ini secara tidak langsung menyumbang kepada pendapatan penduduk di daerah Putatan. Hasil analisis mendapati bahawa peratusan tertinggi yang dicapai adalah sebanyak 63.9 peratus iaitu peratusan bagi responden yang menyatakan mereka setuju. Sebanyak 14.4 peratus pula mengatakan sangat setuju. Berdasarkan pemerhatian dan temu bual bersama penduduk tempatan terutamanya dalam kalangan peniaga, mereka sangat bersetuju bahawa peningkatan kawasan perniagaan telah memberi peluang kepada mereka mencari rezeki dan menjana pendapatan bagi menampung kehidupan mereka sekeluarga. Pada masa kini, daerah Putatan semakin menjadi tumpuan sama ada penduduk dari dalam atau luar daripada daerah Putatan. Dengan itu, ia sekaligus dapat meningkatkan pendapat penduduk terutamanya dalam kalangan peniaga.

Menurut Katiman et al. (2011), pendapatan isi rumah dan perubahan pekerjaan merupakan implikasi yang terawal berlaku kesan daripada sesuatu projek pembangunan. Para peniaga di kawasan tamu khususnya turut terkesan dengan kewujudan kawasan perniagaan ini kerana ia mendapat sambutan yang menggalakkan pada hujung minggu. Tamu Putatan ini menjadi tumpuan penduduk untuk berbelanja pada hujung minggu. Tamu Putatan yang diadakan setiap hari ahad turut merancakkan ekonomi daerah Putatan. Pelbagai barangan dijual terutamanya hasil-hasil pertanian dan produk tempatan yang mula dipasarkan pada petang Jumaat. Di samping itu, pasar tani anjuran FAMA diadakan pada hari khamis setiap minggu yang telah diadakan semenjak tahun 2008 lagi (Majlis Daerah Putatan, 2013). Tambahan lagi, pusat membeli-belah yang semakin banyak memerlukan lebih ramai pekerja. Penduduk tempatan juga menjana pendapatan melalui perkhidmatan pengangkutan seperti bas dan teksi. Hal ini kerana, kewujudan perkhidmatan pengangkutan awam di daerah ini memberi peluang kepada penduduk untuk bekerja sebagai pemandu bas dan teksi. Pengangkutan awam ini dilihat mendapat sambutan dan digunakan oleh penduduk tempatan sekaligus menjana pendapatan kepada para pemandu bas dan teksi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya terdapat pelbagai aktiviti perkhidmatan yang wujud di daerah Putatan selepas mengalami transformasi pembangunan seperti kemudahan infrastruktur, pendidikan, perniagaan, perhotelan, kemudahan pengangkutan awam, kemudahan kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Kebanyakan responden menyatakan mereka setuju bahawa perubahan yang berlaku akibat daripada transformasi memudahkan lagi aktiviti dan urusan harian mereka dengan adanya infrastruktur yang lengkap seperti jaringan jalan raya yang baik, bilangan sekolah yang mencukupi, mudah untuk mendapat rawatan kesihatan dengan adanya klinik serta dapat menjana pendapatan daripada pelbagai aktiviti perkhidmatan yang dijalankan. Daerah Putatan dilihat sebagai sebuah daerah yang berpotensi untuk menjadi sebuah bandar yang maju ekoran daripada kerancakkan pembangunan yang kian meningkat.

Transformasi pembangunan banyak mengubah kehidupan sosial masyarakat di samping memberi manfaat kepada penduduk sekitar kawasan tersebut dengan adanya kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi menjamin kehidupan yang lebih baik dan memudahkan aktiviti harian penduduk. Pembangunan juga turut memberi manfaat kepada masyarakat dalam mengubah corak hidup khususnya dari kehidupan yang bersifat tradisional kepada kehidupan yang lebih moden seiring dengan era modenisasi pada masa kini. Kesan daripada pembangunan juga dapat dilihat melalui aspek ekonomi kerana aspek ekonomi ini juga merupakan salah satu indikator dalam melihat pencapaian sesuatu pembangunan yang dijalankan. Justeru, pembangunan nasional juga boleh difahami sebagai transformasi ekonomi melalui indikator pembangunan dalam aspek ekonomi iaitu pendapatan perkapita dan struktur ekonomi. Peningkatan populasi penduduk di daerah Putatan ini menunjukkan keperluan terhadap pembangunan bagi menampung jumlah penduduk yang semakin meningkat khususnya dari aspek penyediaan perkhidmatan dan kemudahan asas kepada penduduk bagi menjamin kesejahteraan penduduk.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Geran FRGS/1/2016/SS07/UKM/03/1 kerana membantu dalam proses penyediaan laporan ini.

RUJUKAN

- Katiman, R., Abdul Rahim, M. N., Er, A. C., Aishah@Eshah, M., Zaini, S., Hasan, M. N., & Rosniza, A. (2011). Impak pembangunan bandar baru Nusajaya Wilayah Iskandar Malaysia terhadap kesejahteraan hidup penduduk asal setempat. *Geografia*, 7, 14 - 28.
- Majlis Daerah Putatan. (2013). *Daerah Putatan*. Diperoleh daripada www.sabah.gov.my/pdptn/.
- Mohd Nain, A. S., & Md Yusoff, R. (2003). *Konsep, teori, dimensi dan isu pembangunan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Nor Hasyifa, A., Zaini, S., Rosniza, A. C. R., & Nor Haniah, S. (2017). Persepsi komuniti pinggir pantai terhadap perubahan cuaca di Kuala Langat, Selangor. *Geografi*, 5(3), 46-53.
- Nur Atiqah, A. (2013). *Penubuhan pusat transformasi luar bandar sebagai pemangkin ekonomi penduduk luar bandar kajian kes: Pusat Transformasi Luar Bandar, Kelantan*. (Tesis Sarjana). Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurasyikin, M. (2013). *Transformasi Pekan Parit Raja: Kajian terhadap kesejahteraan hidup masyarakat*. (Tesis PhD). Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Tun Hussein Onn Malaysia.
- Polonia, G. F. K. (2013). *Analysis of sample size in consumer surveys*. Diperoleh daripada ec.europa.eu/.../pl-gfk_k_puszcak_-_sample_size_in_customer_surveys_v2_2.pdf.
- Rosniza Aznie, C. R. & Tee, M. Y. (2017). Kualiti hidup peserta program ladang kontrak di bawah pertubuhan peladang kawasan. *Geografi*, 5(2), 8-22.
- Sarmila, M. S, Novel, L., Rosniza Aznie, C. R., Sivapalan, S., & Rusyda, R. (2017). Peranan koperasi dalam meningkatkan pendapatan pekebun Kecil: Kajian kes Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM). *Geografi*, 5(3), 64-71.
- Tikson, D. T. (2005). *Indikator-indikator pembangunan ekonomi dan konsep pembangunan*. Diperoleh daripada <https://erikadianarizant.wordpress.com/2012/09/02/konsep-pembangunan/>